



NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

## Polis rakam percakapan saksi 'sumbangan vaksin'

Oleh [Nur Izzati Mohamad](#) - Mei 23, 2021 @ 11:23am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Polis akan merakam percakapan beberapa saksi dari syarikat yang didakwa menawarkan sumbangan dua juta dos vaksin COVID-19 kepada kerajaan Pulau Pinang.

- Foto hiasan

GEORGETOWN: Polis mendapati suspek yang menawarkan vaksin COVID-19 kepada kerajaan Pulau Pinang ada unsur cubaan menipu.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Sahabudin Abdul Manan, berkata wakil syarikat Xintai Development Enterprise Ltd itu dipercayai menawarkan dua juta dos vaksin jenis Sinovac yang tidak wujud.

Katanya, siasatan awal mendapati penulis surat yang menawarkan vaksin itu bukanlah Pengarah Urusan syarikat terbabit seperti yang dinyatakan di dalam surat berkenaan.

"Penulis surat itu hanyalah wakil kepada syarikat Xintai Development Enterprise Ltd yang dilantik secara lisan sahaja.

### DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Hampir 400,000 sudah terima vaksin COVID-19](#)
- [Vaksin COVID-19 tiba di Pulau Pinang](#)

### TERKINI

### PILIHAN PEMBACA

- 41m [Klopp lega kedudukan ketiga liga](#)
- 50m [EU kecam Belarus lengong pesawat tahan aktivis pembangkang](#)
- 58m [Chelsea 'bernasib baik' layak - Tuchel](#)
- 1h [Terpaksa henti 'shooting'](#)
- 1h [Verstappen kuasai GP Monaco](#)
- 1h [Operasi perniagaan di Sabah tamat jam 9 malam](#)
- 1h [PBB gesa proses politik telus di Gaza](#)
- 1h [Juventus, AC Milan layak ke Liga Juara-Juara](#)

- 'Beli vaksin bukan seperti baju di Shopee'
- Kira-kira 438,000 sudah lengkap dua dos vaksin

"Dia mengesahkan tandatangan pada surat yang dihantar ke Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang itu miliknya," katanya. katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Sahabudin berkata, polis akan merakam percakapan beberapa saksi dari syarikat yang menawarkan sumbangan dua juta dos vaksin kepada kerajaan Pulau Pinang, bagi melengkapkan siasatan kes itu.

Katanya, polis juga akan merakam percakapan saksi dari Pejabat Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Beliau berkata, sehingga kini polis menerima enam laporan oleh beberapa beberapa parti politik, termasuk daripada Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang yang meminta siasatan dijalankan.

"Polis juga akan menghubungi syarikat yang berkaitan untuk mengesahkan status pendaftaran syarikat berkenaan serta peranan penulis surat terbabit.

"Selepas semua tindakan selesai diambil, polis akan menyerahkan kertas siasatan ke pejabat Pengarah Pendakwaan Pulau Pinang untuk nasihat dan pandangan," katanya.

Sahabudin berkata, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil menyiasat semua laporan yang diterima mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan (menipu dan dengan curangnya mendorong supaya harta diserahkan).

Selasa lalu, kerajaan negeri meminta Kementerian Kesihatan memberi kelulusan menerima sumbangan dua juta dos vaksin COVID-19 dari syarikat swasta, selepas permohonan pertama mereka ditolak.

Bagaimanapun, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin yang juga sebagai Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, mengesahkan derma dua juta dos vaksin COVID-19 oleh syarikat berpangkalan di Hong Kong itu tawaran palsu.



## VAKSIN



**NASIONAL** 12 jam yang lepas  
Perdana Menteri yakin imuniti kelompok mampu dicapai tahun ini



**NASIONAL** Mei 23, 2021 @ 6:06pm  
CITF akan putuskan cadangan 'strategi tunda dos kedua'



**NASIONAL** Mei 23, 2021 @ 3:16pm  
Kilang ada penularan COVID-19 terus tutup



**NASIONAL** Mei 23, 2021 @ 11:07am  
MTUC cadang vaksin golongan pekerja diutamakan



**WILAYAH** Mei 22, 2021 @ 2:19pm  
Penerima vaksin di NS masih rendah



**NASIONAL** Mei 21, 2021 @ 8:14pm  
Malaysia terima lebih sejuta dos vaksin hari ini

## TRENDING



**BOLA** 9 jam yang lepas  
Kuwait 'ratah' Harimau Malaya



**ASEAN** 11 jam yang lepas  
COVID-19: Thailand kesan jangkitan tempatan varian Afrika Selatan



**NASIONAL** 12 jam yang lepas  
Buat 'self-lockdown' elak jangkitan - Perdana Menteri



**NASIONAL** 12 jam yang lepas  
SOP tidak statik, dinamik ikut situasi pandemik COVID-19



**NASIONAL** Mei 23, 2021 @ 4:48pm  
'Saya hilang mak, ayah, adik...'

## MYRESIPI



**INFOMASI** Mei 21, 2021 @ 2:54pm  
Resepi Rojak Mac Legend, Tak Pernah



Penduduk bermotosikal melalui hadapan Dewan Seberang Perai Arena Seberang Jaya di sini, yang dijadikan Pusat Pemberian Vaksin COVID-19, sempena Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, di Pulau Pinang.



[Resepi Rujak Mee Legenda, Tak Perlu Beli Dekat Kedai Dah, Buat Sendiri Je!](#)




**INFOMASI** Mei 21, 2021 @ 2:51pm  
[Jom Cuba Resepi Dodol Homemade, Hanya Guna 4 Bahan Dah Siap!](#)



**INFOMASI** Mei 20, 2021 @ 1:55pm  
[Resepi Menarik Hari Raya, Jom Cuba Nasi Goreng Kuah Lodeh Yang Lazat](#)



**INFOMASI** Mei 20, 2021 @ 1:52pm  
[Resepi Apom Manis Original Indian Style, Sedap & Berlemak!](#)



**INFOMASI** Mei 19, 2021 @ 1:28pm  
[Jom Cuba Resepi Baked Cheese Carbonara Meatball, Anak-Anak Mesti Suka!](#)

## BERITA BERKAITAN



**NASIONAL** Mei 21, 2021 @ 3:40pm

[Polis ambil keterangan individu tawar vaksin kepada kerajaan Pulau Pinang](#)



**NASIONAL** Mei 19, 2021 @ 3:19pm

[Tawaran vaksin Sinovac kepada P Pinang palsu, syarikat tak wujud](#)



**NASIONAL** Mei 19, 2021 @ 9:04pm

[P Pinang minta syarikat tawar vaksin tampil beri penjelasan](#)



**NASIONAL** Mei 21, 2021 @ 6:20pm

[Isu sumbangan vaksin: KM Pulau Pinang mohon maaf cetus kontroversi](#)

Disyorkan untuk anda



**COVID-hit Taiwan shuts down all shareholder...**

Nikkei Asia



**Is this Malaysia's hottest investment...**

Smartinvest.com



**David and Victoria Beckham Buy Full-Floor...**

Mansion Global



**This Jaw Exerciser is Taking Malaysia...**

Life Tech Insider



**How to Reduce Your Electric Bill by Up to 90%**

Electricity Saver



**Hair Transplant Cost In Kuala Lumpur Might...**

Hair Transplant | Searc...



**Kuala Lumpur: Liquidation Of Unsold 2020...**

SUV Deals | Search Ads



**Immigrate from Malaysia to Canada: Here's...**

CanadianVisa.Org

[Read more](#)



IKUTI KAMI DI:



#### BERITA

[BHPLUS](#)  
[Nasional](#)  
[Kes](#)  
[Politik](#)  
[Pendidikan](#)  
[Wilayah](#)

#### SUKAN

[DUNIA](#)  
[HIBURAN](#)  
[BISNES](#)  
[RENCANA](#)  
[WANITA](#)  
[HUJUNG MINGGU](#)

#### MULTIMEDIA

[Foto](#)  
[BHTV](#)  
[Infografik](#)  
  
**LANGGAN**  
[Akhbar Digital](#)  
[Akhbar BH](#)

#### PERKHIDMATAN

[Iklan Web](#)  
[1KLassifieds](#)  
[NSTP KLiK](#)

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group  
[Redaksi](#) [Disclaimer](#) [Notis Perlindungan Data Peribadi](#)